

PGA 102 – PERKEMBANGAN INTRAPERSONAL DAN INTERPERSONAL REMAJA

SEMESTER 1 2017/2018

**TAJUK TUGASAN : PENGGUNAAN DADAH DALAM KALANGAN
REMAJA**

DISEDIAKAN OLEH :



Ibnu Sany Bin Samsulbahri
970710-12-5703
136361
Ibnusany@gmail.com



Nuramalia Binti Roslan
971122-02-5794
136466
Amaliaroslan54@gmail.com



Siti Nurwani Binti M Rozali
970828-11-5156
136498
Sitinurwani19@gmail.com



Nur Suraya Mariana Binti Yahya
970918-03-5758
136462
Suraya.mariana97@gmail.com

DISEMAK OLEH :

DR. HAJI MOHD NORAWI BIN ALI

(PENSYARAH TUTORIAL PGA 102)

TUTORIAL KHAMIS 12:00 - 1:00 TENGAH HARI

ABSTRAK

Program First Year To School merupakan program murni yang diadakan untuk memberi pendedahan awal kepada para pelajar berkaitan dengan isu-isu yang sedang menular dalam kalangan remaja. Program ini sememangnya mendatangkan kebaikan kerana menerusi program ini para pelajar mempunyai persediaan awal untuk mereka melangkah ke alam sekolah menengah tanpa terjebak dengan pelbagai gejala sosial. Tajuk bagi projek kami ialah Penggunaan Dadah Dalam Kalangan Pelajar. Dalam menjalankan projek ini, kami telah menggunakan kaedah pemerhatian dan kaedah temu bual. Elemen yang kami pilih pula kawal sendiri dan penyelesaian masalah dan membuat keputusan. Sekolah yang telah kami tuju ialah Sekolah Kebangsaan Kamunting dan seramai empat orang pelajar yang telah dipilih secara rawak untuk menjadi responden kami. Melalui isu ini, kami telah menyampaikan mesej dan mengupas hal-hal yang berkaitan dengan faktor, kesan penggunaan dadah dan cara untuk mengatasinya kepada pelajar.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim.

Alhamdulillah, bersyukur ke atas Ilahi kerana dengan limpahan rahmat serta nikmat masa, nyawa dan tenaga yang dianugerahkan kepada kami sekumpulan dapat juga kami menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Di kesempatan ini, kami ingin mendedikasikan ucapan penghargaan kepada pensyarah tercinta iaitu, Dr Haji Mohd Norawi Bin Ali dan Dr. Aswati Binti Hamzah kerana dengan tunjuk ajar serta bimbingan daripada mereka, membuka ruang untuk kami menyiapkan tugas ini dengan suksesnya.

Ribuan terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada para ibu bapa yang memberi pemudah cara untuk menyiapkan kerja kursus ini. Mereka telah memberikan segala kemudahan dan sokongan moral yang tidak terhingga sehinggalah kami berjaya menghabiskan tugas ini.

Sekalung penghargaan ditujukan kepada rakan-rakan sekumpulan yang banyak membantu dan berkerjasama dalam menyumbangkan idea dan tenaga untuk menyiapkan tugas ini sehingga berjaya. Tidak dilupakan juga rakan tutorial yang lain kerana telah membantu memberikan maklumat-maklumat tentang cara-cara untuk menyiapkan laporan ini.

Selain itu, ribuan terima kasih juga diucapkan kepada guru-guru dan responden kami iaitu pelajar Tahun 6 di Sekolah Kebangsaan Kamunting, Taiping, Perak kerana memberi kerjasama yang baik dalam melaksanakan E-produk. Kami juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak sekolah kerana menerima kami untuk menjalankan tugas kami di sekolah mereka

Akhir madah, saya mengucapkan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung penghasilan kerja kursus ini. Terima kasih.

ISI KANDUNGAN

Bil	Isi kandungan	Muka Surat
1.0	Pengenalan	1 - 2
2.0	Elemen Intrapersonal dan Interpersonal Remaja	3 - 7
3.0	Isu Remaja	8 - 13
4.0	Intervensi Sebenar dan Penerangan E-Produk	13 - 17
5.0	Pelaksanaan Aktiviti	18 - 21
6.0	Dapatan dan Perbincangan Kajian	22 - 25
7.0	Refleksi ahli Kumpulan	26 - 33
8.0	Kesimpulan	34
9.0	Bibliografi	35
	Lampiran	36 - 38

1.0 PENGENALAN

Program 'First Year To School' merupakan program yang julung kalinya diadakan untuk mahasiswa dan mahasiswi Universiti Sains Malaysia. Program ini merupakan program pertama yang diadakan di bawah program Budiman Universiti Sains Malaysia yang melibatkan semua pelajar dari Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan. Seramai 339 mahasiswa dan mahasiswi dari Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan yang terlibat dalam program ini. Program ini telah berlangsung di beberapa buah sekolah kebangsaan iaitu Sekolah Kebangsaan Kamunting, Sekolah Kebangsaan Simpang, Sekolah Kebangsaan Pangkalan Aur, Sekolah Kebangsaan Toh Johan dan Sekolah Kebangsaan Batu Kurau.

Program ini diadakan adalah bertujuan memberi pendedahan kepada para pelajar tentang isu-isu yang semakin membimbangkan yang berlaku dalam kalangan pelajar. Program ini juga diadakan untuk memberi kesedaran kepada para pelajar tentang kesan-kesan yang berlaku apabila mereka terlibat dengan gejala-gejala sosial. Sekolah yang kami sekumpulan tuju ialah Sekolah Kebangsaan Kamunting. Seramai empat orang murid darjah enam telah menjadi responden bagi memenuhi aktiviti kami. Menerusi program ini juga, para pelajar kan terdedah dengan pelbagai jenis gejala-gejala sosial yang bakal mereka hadapi sebagai persediaan untuk melangkah ke alam sekolah menengah. Program ini juga telah memberi pengalaman kepada para mahasiswa dan mahasiswi dari pusat pengajian Ilmu Pendidikan untuk berhadapan dengan anak murid sebagai persediaan untuk menjadi bakal guru kelak.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, dadah merupakan sejenis ubat-ubatan. Dadah juga merupakan bahan seperti ganja, heroin, marijuana, dan sebagainya yang merosakkan atau membinasakan orang yang menggunakannya secara berlanjutan seperti merosakkan kesihatan, membawa maut, dan lain-lain. Dadah merupakan satu istilah khas kepada sejenis bahan yang mendatangkan kemudaratan kepada kesihatan seseorang dari segi rohani(mental dan emosi) dan fizikal(jasmani) serta tingkah laku pengguna apabila digunakan . Hal ini akan menyebabkan seseorang yang menggunakan dadah akan terus bergantung kepada dadah untuk meneruskan kehidupan mereka, Wong Kar Wai (2010). Dari sudut agama, dadah juga dibincangkan secara khusus. Dalam kita suci Al-Quran, istilah "Khamar" yang diharamkan digunakan bagi semua bahan yang memabukan atau boleh

menghilangkan fikiran. Oleh yang demikian, dadah boleh dikategorikan sebagai satu daripada “Khamar” kerana ia boleh memabukan, mengkhayalkan dan menyebabkan penagihan, pergantungan, perubahan tingkah laku, emosi, ragam dan pemikiran. Secara umumnya, dadah bermaksud sebarang bahan kimia yang psikoaktif, sama ada berbentuk asli atau tiruan, apabila dimasukkan ke dalam tubuh badan secara disuntik, dihidu, dihisap atau dimakan boleh mengubah fungsi tubuh badan seseorang atau organisma dari segi fizikal atau mental.

Dadah merupakan gejala sosial yang tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat terutama sekali golongan remaja. Sering terpampang di dada akhbar dan meniti dari bibir ke bibir masyarakat bahawa remaja masa kini ramai yang telah terjebak dengan penggunaan dadah. Perkara ini jika tidak dibendung akan menjadi semakin serius. Remaja pada masa ini cenderung untuk mengambil dadah kerana perasaan ingin mencuba dalam diri mereka yang semakin memuncak menyebabkan mereka mencuba dadah tersebut dan akhirnya menjadi ketagih. Adapun remaja yang terpengaruh dengan rakan sebaya sehingga mereka turut serta dalam pengambilan dadah ini. Kesannya, mereka sebagai seorang pelajar akan terganggu dalam pelajaran. Tambahan lagi, penggunaan dadah yang keterlaluan boleh membawa maut. Keadaan ini harus ditangani kerana remaja merupakan pelapis yang akan memimpin negara.

2.0 ELEMEN INTRAPERSONAL DAN INTERPERSONAL

2.1 Elemen Intrapersonal

Kawalan Kendiri

Intrapersonal bermaksud sifat dalaman seseorang yang mempengaruhi hubungan luaran seseorang individu. Dalam menghasilkan E-Produk kami, kami menggunakan elemen intrapersonal iaitu kawalan kendiri. Kami menggunakan elemen kawalan kendiri supaya dapat mendedahkan kepada parapelajar agar tidak mudah terpengaruh dengan anasir luar dan mampu mengawal diri sendiri tanpa bimbingan dari mana-mana pihak.

Kawalan kendiri bermaksud keupayaan seseorang untuk mengawal diri daripada melakukan perkara-perkara yang negatif. Kawal kendiri juga boleh didefinisikan sebagai penilaian seseorang ke atas dirinya sendiri atau bagaimana ia menganggap tentang dirinya sama ada positif atau negatif. Kawalan kendiri ini berkait rapat dengan perasaan kita, terhadap kebolehan kita dan perkara yang akan berlaku pada diri kita.

2.1.1 Teori Psikoanalitik Sigmund Freud

Menurut tokoh Psikoanalisis iaitu Sigmund Freud dalam teori psikoanalisisnya, beliau menyatakan bahawa setiap manusia secara semula jadinya menginginkan keseronokan dan mengelakan kesakitan. Apabila keinginan itu tidak diperolehi, manusia akan bertindak secara agresif kerana kecewa. Melalui teori ini, dapat disimpulkan bahawa, remaja masa kini tidak lari dari menginginkan keseronokan. Sifat remaja yang menginginkan keseronokan akan menyebabkan mereka mengambil jalan mudah dengan mengambil dadah untuk memenuhi keinginan tersebut. Bagi mereka, dadah merupakan bahan khayalan yang sesuai dijadikan untuk berseronok.

Menurut teori Sigmund Freud (1856-1939), beliau menekankan tiga struktur personaliti iaitu Id, Superego, Ego. Menurut Freud, Id yang tinggi dalam diri remaja akan mendorong mereka untuk melakukan perkara-perkara yang negatif. Id akan lebih teransang dalam diri para remaja apabila semangat ingin mencuba dalam diri mereka semakin memuncak. Sebagai contoh, id yang tinggi akan mendorong pelajar untuk mengambil dadah. Id merupakan tindakan di bawah sedar yang dilakukan oleh para remaja untuk memastikan keinginan mereka dapat dipenuhi dengan segera. Superego menurut Freud pula bermaksud timbul nilai-nilai murni dalam diri kalangan para remaja untuk menentang perasaan Id. Superego ini berperanan untuk menimbulkan perasaan rasa bersalah dalam diri pelajar kerana tindakan mereka untuk mengambil dadah adalah satu tindakan yang tidak sepatutnya yang dapat merosakkan diri mereka. Dengan erti kata lain, Superego ini merupakan sifat yang bellawanan dengan Id. Seterusnya, Ego menurut Freud pula ialah cabang eksekusif minda yang mendorong untuk membuat keputusan yang rasional. Ego merupakan medium untuk menyelesaikan konflik antara Id dengan Superego. Ego merupakan satu tindakan yang rasional yang mampu menjadikan pelajar berfikiran waras untuk tidak mengambil dadah kerana ia mendatangkan kesan yang teruk dalam jangka masa yang panjang. Kesimpulannya, Ego merupakan usaha murni dalam diri pelajar untuk tidak mengambil dadah dan mampu menyelesaikan Id dan Superego.

2.1.2 Teori Psikologi Albert Bandura

Selain itu, kami juga turut menggunakan Teori Albert Bandura yang merupakan Psikologi di Universiti Stanford. Beliau menekankan bahawa perkara utama yang dipelajari oleh kanak-kanak dan remaja ialah melalui pemerhatian mereka terhadap tingkah laku orang lain, khususnya orang yang signifikan dengan mereka. Albert Bandura juga berpendapat bahawa dalam kehidupan seharian terdapat banyak tingkah laku yang dipelajari melalui contoh, tauladan, tiruan dan penggunaan bahasa. Melalui teori ini, segala tindak tanduk yang dilihat oleh para remaja akan menjadi ikutan. Sebagai contoh, pengaruh media massa yang menayangkan aksi-aksi pengambilan dadah akan menjadi tiruan kepada para remaja. Bandura dan Walters menggunakan sekumpulan kanak-kanak tadika berumur 3- 6 tahun untuk menjalankan kajian dan berjaya membuktikan bahawa kanak-kanak keseluruhannya meniru model yang ditonton dengan gaya yang lebih agresif. Beliau merumuskan bahawa pelbagai tingkah laku sosial seperti keagresifan, persaingan, peniruan model dan sebagainya adalah hasil pemerhatian daripada gerak balas yang ditunjukkan oleh orang lain. Teori pembelajaran sosialis menekankan pembelajaran melalui proses permodelan iaitu pembelajaran melalui pemerhatian atau peniruan. Teori ini terdiri daripada teori permodelan Bandura. Selain itu, Bandura juga menyatakan pembelajaran melalui pemerhatian merupakan pembentukan asas tingkah laku orang lain, individu dan secara tidak langsung mempelajari pula perubahan tingkah laku tersebut. Bandura menyebut orang yang diperhatikan sebagai model dan proses pembelajaran melalui pemerhatian tingkah laku model sebagai permodelan. Ia juga menekankan aspek interaksi antara manusia dan persekitaran.

2.2 Elemen Interpersonal

Penyelesaian Masalah dan Membuat Keputusan

Elemen interpersonal yang digunakan dalam menghasilkan e-produk inipula ialah penyelesaian masalah dan membuat keputusan. Penyelesaian masalah merujuk kepada satu langkah kognitif yang membentuk proses yang menjadikan seseorang peka terhadap masalah. Seseorang individu akan menerima maklumat sama ada dalam bentuk lisan atau bukan lisan.

Elemen membuat keputusan pula ialah langkah awal untuk membuat penyelesaian. Keputusan merujuk kepada pilihan yang dibuat melalui pelbagai alternatif yang sedia ada merangkumi banyak pilihan. Keputusan dibuat untuk memberi pendedahan kepada teknik-teknik penyelesaian masalah. Keputusan yang hendak diutarakan hendaklah rasional untuk memastikan keputusan yang dibuat adalah yang terbaik. Membuat keputusan juga memerlukan penerapan intrapersonal kerana melalui dalaman kita dapat menghasilkan keputusan yang baik dan buruk. Dalam membuat keputusan juga perlu menitikberatkan aspek keperluan, situasi dan masalah.

2.2.1 Teori Ekologikal Urie Bronfenbrenner

Melalui Teori Urie Bronfenbrenner yang merupakan tokoh persembangankanak-kanak, teori perkembangan ekologikal adalah teori yang menekankan pengaruh persekitaran ke atas perkembangan individu. Teori ini menyatakan perkembangan anak dipengaruhi oleh orang-orang yang berada disekitarnya. Anak-anak juga mudah terpengaruh dengan orang-orang disekitarnya sebagai contoh keluarga dan rakan-rakan. Keluarga dan rakan-rakan yang positif secara tidak langsung akan menjadikan anak-anak positif dan begitu juga sebaliknya.

Menurut teori yang dikemukakan oleh Urie Bronfenbrenner beliau mengatakan remaja sangat mudah dipengaruhi oleh keadaan sekeliling. Beliau mengaitkan perkembangan individu dengan beberapa sistem iaitu

mikrosistem, mesosistem, eksosistem, makrosistem dan kronosistem. Mikrosistem dan Mesosistem terdiri daripada keluarga, sekolah, rakan sebaya, dan jiran terdekat. Menurut Freud, dalam lingkungan Mikrosistem dan Mesosistem ini, wujud interaksi anak-anak dengan orang-orang di sekitar mereka. Anak-anak akan mudah terpengaruh sebagai contoh, pengaruh rakan sebaya yang negatif secara tidak langsung akan mendorong anak-anak untuk melakukan perkara yang sama. Selain itu, lingkungan eksosistem pula terdiri daripada jiran, media massa dan aktiviti sosial. Dalam lingkungan ini, anak-anak akan terdedah secara lebih luas dengan persekitarannya. Dengan kewujudan media massa dalam lingkungan ini, anak-anak akan mudah terdedah dengan tayangan yang dipaparkan oleh media massa. Anak-anak akan meniru aksi-aksi seperti menghisap dadah melalui internet. Selain itu, lingkungan makrosistem pula terdiri daripada sikap dan budaya ideologi. Lingkungan makrosistem ini telah memberi pendedahan kepada anak-anak tentang pelbagai sikap dan budaya ideologi. Anak-anak akan terdedah dengan ideologi-ideologi barat sehingga menjadikan mereka terikut-terikut dengan ideologi tersebut. Anak-anak menjadi kejut budaya dan secara tidak langsung akan terikut-ikut dengan budaya barat yang menyatakan bahawa mengambil dadah ini mampu memberi keseronakan kepada mereka.

3.0 ISU

3.1 Penggunaan Dadah dalam Kalangan Remaja

Dadah ialah sebarang bahan kimia sama ada asli ataupun tiruan yang mana apabila disuntik, dihidu, dihisap, ataupun dimakan dapat mengubah fungsi tubuh badan, perasaan ataupun kelakuan seseorang. Bukan itu sahaja, apabila remaja mula terlibat dengan dadah maka komitmen mereka terhadap sekolah juga akan terganggu. Terdapat banyak faktor yang menyebabkan berlakunya pengambilan dadah dalam kalangan remaja. Antaranya ialah faktor ibu bapa, rakan sebaya, media massa dan sebagainya. Faktor-faktor ini telah menyebabkan remaja cenderung untuk mengambil dadah seterusnya memberi kesan yang amat mendalam kepada mereka.

Elemen intrapersonal sememangnya sangat penting dalam diri seseorang remaja. Elemen intrapersonal yang kami pilih ialah elemen kawalan sendiri. Kawalan sendiri sangat penting dalam diri remaja untuk mengelakkan mereka dari terjebak dengan gejala dadah ini. Kawalan sendiri yang tinggi mampu menjadikan remaja menangkis anasir luar dan mampu mengatasi nafsu mereka. Sebagai contoh, remaja yang mempunyai kawalan sendiri yang tinggi tidak akan mudah terpengaruh dengan budaya-budaya yang mampu menarik mereka untuk melakukan perkara negatif. Mereka mampu berfikir untuk mengawal diri dan melawan nafsu yang sentiasa menginginkan kerseronokkan.

Bukan itu sahaja, elemen interpersonal juga penting dalam diri para remaja. Elemen interpersonal yang kami pilih ialah penyelesaian masalah dan membuat keputusan. Penyelesaian masalah dan membuat keputusan ini mempunyai kesinambungan. Sebagai contoh, dalam konteks kehidupan, para remaja hendaklah bijak dalam menyelesaikan masalah yang mereka hadapi. Para remaja boleh meminta pendapat dari mana-mana pihak untuk menyelesaikan masalah tersebut. Jika para remaja berasa stres dalam pelajaran, para pelajar boleh bertanyakan kepada guru untuk menyelesaikan masalah tersebut. Bagi elemen membuat keputusan pula, para remaja juga hendaklah sentiasa berfikiran rasional ketika membuat suatu keputusan. Remaja perlu menitikberatkan kesan jangka panjang yang akan berlaku apabila membuat suatu keputusan. Dalam membuat keputusan juga, remaja perlu mengambil berat tentang keperluan, situasi

dan masalah. Kesimpulannya, sebagai seorang remaja, kita hendaklah bijak dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan. Tindakan untuk mengambil dadah bagi menyelesaikan masalah bukanlah jalan yang benar semata-mata untuk lari dari suatu permasalahan.

3.2 Faktor Penggunaan Dadah

Faktor yang menyebabkan penggunaan dadah dalam kalangan remaja ialah faktor ibu bapa remaja itu sendiri. Kesibukan ibu bapa terhadap pekerjaan menyebabkan hubungan antara ibu bapa dan anak semakin renggang. Ibu bapa yang terlalu sibuk mengejar kekayaan telah mengabaikan tanggungjawab untuk memberi kasih sayang yang secukupnya kepada anak-anak. Ibu bapa juga kurang prihatin dengan hal-hal kebajikan anak-anak. Ibu bapa tidak mempunyai masa yang cukup untuk diluangkan bersama anak untuk bertanyakan tentang masalah yang dihadapi di sekolah. Hal ini akan menyebabkan remaja lebih memendam hal-hal yang mereka hadapi seterusnya mengambil dadah sebagai medium untuk menghilangkan masalah dan stres yang dihadapi. Pengawasan yang kurang dari ibu bapa juga menyebabkan remaja mudah terpengaruh dengan dadah. Penggunaan bahan elektronik tanpa kawalan ibu bapa menyebabkan anak-anak mudah terpengaruh dengan adegan-adegan yang berkaitan dengan dadah seterusnya menimbula semangat ingin mencuba dalam diri mereka. Selain itu, pergaduhan yang berlaku antara ibu bapa dan anak-anak juga menjadi punca anak-anak mengambil dadah. Hal ini demikian kerana remaja yang mempunyai masalah dengan ibu bapa biasanya akan mengambil langkah mudah dengan menggunakan dadah bagi melupakan masalah mereka.

Faktor seterusnya yang menyebabkan remaja mengambil dadah ialah rakan sebaya. Dalam konteks ini, rakan sebaya sangat memainkan peranan yang besar dalam mempengaruhi remaja untuk terlibat dalam penggunaan dadah. Hal ini demikian kerana, rakan sebaya merupakan pengganti bagi ibu dan bapa ketika berada di sekolah. Remaja mempunyai hubungan yang rapat dengan rakan sebaya memandangkan mereka banyak meluangkan masa dengan rakan-rakan terutamanya dalam waktu persekolahan. Segala permasalahan akan dikongsi bersama dan mereka juga akan bersama-sama menyelesaikan masalah tersebut.

Jika negatif seorang rakan sebaya itu, maka negatiflah juga seorang remaja tersebut. Hal ini demikian kerana, para remaja akan mudah terikut-ikut dengan tindakan rakan sebaya ditambah lagi dengan ajakan dari rakan sebaya. Selain berdamping dengan ibu bapa, remaja juga akan lebih memilih rakan sebaya untuk berseronok.

Media massa juga merupakan faktor remaja terlibat dalam penggunaan dadah. Acap kali kita lihat di kaca televisyen yang menayangkan drama ataupun filem yang melakonkan watak-watak penagihan dadah. Drama ataupun filem yang tidak ditapis ini telah menaikkan rasa ingin mencuba dalam diri remaja seterusnya terikut-terikut dengan tindakan yang sama dengan tayangan tersebut. Tayangan-tayangan sebegini dipandang enteng oleh sesetengah pihak tanpa memikirkan pengaruhnya terhadap pemikiran remaja yang baru meningkat dewasa. Bagi mereka, kawalan ibu bapa mampu mengelakan remaja terjebak dengan penggunaan dadah namun hakikatnyaremaja sebenarnya amat mudah terpengaruh dengan keadaan sekeliling mereka. Media massa yang menayangkan tentang budaya-budaya barat juga menyebabkan remaja terdedah dengan budaya tersebut. Budaya barat yang mengambil dadah untuk berseronok telah dijadikan panduan oleh para remaja untuk melaukan benda yang sama.

3.3 Kesan Penggunaan Dadah Terhadap Remaja

Terdapat banyak kesan negatif penggunaan dadah terhadap remaja. Antara kesan negatif ialah mengganggu pelajaran. Remaja yang mengambil dadah akan berasa khayal dengan dunia mereka sendiri. Mereka akan membawa tabiat khayal ini ke sekolah. Fikiran mereka juga berada di luar dan bukannya berada di dalam kelas. Mereka hanya memikirkan cara untuk mendapatkan dadah setelah sesi persekolahan tamat. Mereka akan berasa tidak sabar untuk keluar dari sekolah bagi mendapatkan bekalan dadah tersebut. Senario ini secara tidak langsung akan menyebabkan remaja ketinggalan banyak dalam pelajaran. Kesannya, mereka akan mendapat keputusan yang kurang baik dan memberi kesan kepada masa depan mereka.

Selain tu, kesan penggunaan dadah ialah mengundang penyakit dan membawa maut. Remaja yang mengambil dadah cenderung untuk menghidap penyakit seperti HIV, Hepatitis dan sebagainya. Hal ini demikian kerana, remaja yang mengambil dadah akan berkongsi peralatan seperti suntik dengan rakan lain. Perkongsian ini menyebabkan penyakit mudah berjangkit dari badan ke badan lain. Pengambilan dadah yang kerap juga akan menyebabkan organ-organ badan tidak dapat berfungsi dengan baik. Kesannya, dadah ini boleh membawa maut kepada seseorang.

Seterusnya, kesan penggunaan dadah ini akan menyebabkan keruntuhan akhlak seseorang remaja. Remaja yang mengambil dadah ini sudah pasti mereka mengalami keruntuhan akhlak. Hal ini demikian kerana, remaja yang tinggi akhlaknya tidak akan mudah terpengaruh dengan gejala dadah ini. Remaja yang mengambil dadah ini cenderung untuk berasa marah pada bila-bila masa sahaja. Bagi penagih dadah yang tegar, mereka akan mudah melenting apabila mereka tidak menghisap dadah pada masa yang mereka inginkan. Sebagai contoh terdapat banyak kes yang menjadi buah mulut masyarakat apabila para remaja memukul ibu bapa mereka semata-mata untuk mendapatkan duit untuk membeli dadah. Ada juga remaja yang sanggup mencuri barang kemas kepunyaan ibu atau kakak dengan menjualnya untuk mendapatkan wang.

3.4 Langkah Mengatasi Penggunaan Dadah

Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat banyak langkah yang diambil dalam mengatasi masalah penggunaan dadah dalam kalangan remaja. Antara langkah yang paling penting ialah ibu bapa seharusnya bijak memainkan peranan mereka. Ibu bapa merupakan insan yang paling rapat dengan anak-anak hendaklah menjadi tauladan kepada anak-anak. Ibu bapa yang terlalu sibuk dengan pekerjaan hendaklah bijak mencari masa yang sesuai untuk diluahkan bersama anak-anak. Ibu bapa juga hendaklah menjadi pendengar setia untuk mendengar segala permasalahan anak-anak di sekolah mahupun diluar sekolah. Ibu bapa juga perlu peka dengan sikap anak-anak dengan mengetahui pergaulan mereka dan hala tuju mereka sehari-harian. Ibu bapa juga perlu mengawal tindak tanduk anak-anak jika didapati anak-anak bersikap mencurigakan. Kawalan terhadap

penggunaan bahan-bahan elektronik juga perlu dititikberatkan agar anak-anak tidak mudah terpengaruh dengan anasir luar.

Seterusnya, guru dan pihak sekolah juga memainkan peranan yang penting dalam mengatasi masalah penggunaan dadah dalam kalangan remaja. Guru merupakan pihak kedua yang mempunyai hubungan yang rapat dengan remaja selain ibu bapa kerana mereka lebih banyak menghabiskan waktu mereka di sekolah. Guru bertanggungjawab sepenuhnya menjaga anak-muridnya sepanjang mereka berada di sekolah. Guru boleh menawarkan khidmat kaunseling kepada mana-mana pelajar yang mempunyai masalah. Guru juga boleh menjadi pendengar yang setia kepada anak murid. Pendedahan kepada subjek Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan juga penting kepada anak-anak supaya mereka tahu dan terdedah dengan nilai-nilai murni. Pendedahan kepada subjek ini secara tidak langsung akan memupuk nilai-nilai moral yang mampu menjadikan pelajar menjauhkan diri dengan perkara yang tidak berguna. Selain dari mata pelajaran sivik, mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan juga perlu dititikberatkan oleh guru. Melalui subjek ini, guru boleh mendedahkan pelajar hal-hal berkaitan dengan dadah dengan lebih lanjut dan menyatakan kesan dan keburukan apabila mengambil dadah.

Selain itu, langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah penggunaan dadah ialah peranan media massa. Media massa boleh menayangkan kempen-kempen di kaca televisyen untuk tontonan anak-anak. Melalui kempen kesedaran ini, secara tidak langsung anak-anak mempunyai kesedaran dalam diri untuk tidak mengambil dadah. Media masa juga boleh mendedahkan kesengsaraan hidup yang dibelenggu oleh penagih dadah di kaca televisyen, surat khabar dan majalah. Melalui usaha ini, timbul kesedaran dalam diri anak-anak untuk tidak mengambil dadah agar tidak berlaku kesengsaraan tersebut dalam diri mereka. Selain itu, media massa juga boleh memberi sokongan kepada badan terlibat dalam mencegah jenayah dadah seperti PEMADAM dan sebagainya. Usaha menyokong ini juga merupakan satu usaha murni yang dapat membanteras kemasukan dadah ke negara kita. Media massa juga boleh menarik minat penonton dengan menyelitkan sedikit hiburan dalam tayangan berkaitan dadah untuk menarik mereka menonton iklan tersebut.

Memantapkan lagi penguatkuasaan undang-undang juga merupakan antara langkah yang boleh dilaksanakan bagi mengatasi penggunaan dadah dalam kalangan remaja. Pihak kerajaan terutamanya hendaklah bersikap tegas dalam memberi hukuman yang setimpal kepada penagih dan penjual dadah. Tindakan tegas seperti memberi sebatan, gantung sampai mati, dan penjara perlu dikenakan kepada pesalah-pesalah. Dengan memberi hukuman yang setimpal, ia akan memberi pengajaran kepada orang lain terutama para remaja untuk tidak mengambil dadah. Pihak kerajaan dan agensi-agensi lain juga perlu berganding bahu untuk membanteras dadah dalam negara Malaysia. Hubungan dua hala juga boleh dilakukan demi memastikan kemasukan dadah ke mana-mana negara dapat disekat.

4.0 INTERVENSI SEBENAR DAN PENERANGAN E-PRODUK

4.1 Intervensi Sebenar

Sebelum program First Year To School bermula, kami telah menghadapi beberapa masalah. Hal ini demikian kerana, kami mengalami perubahan tarikh dan sasaran di saat akhir program ini hendak dijalankan. Tarikh sebenar untuk menjalankan program ini ialah pada 20. November 2017 diubah kepada 22. November 2017 ekoran daripada perubahan sasaran iaitu dari pelajar sekolah menengah diubah kepada pelajar sekolah rendah. Kami dipahamkan perubahan yang berlaku ini adalah disebabkan oleh pelajar sekolah menengah yang sedang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Oleh sebab itu, sasaran kami diubah kepada pelajar darjah enam di Sekolah Kebangsaan Kamunting, Perak. Selain itu, kami juga berhadapan dengan masalah pengangkutan bas. Bas yang ditempah lambat sampai menyebabkan pergerakan kami juga menjadi perlahan. Kami memakan masa yang panjang untuk sampai ke destinasi akibat pergerakan bas yang perlahan dan akhirnya menyebabkan beberapa aktiviti kami harus dipercepatkan. Beberapa aktiviti yang kami rancang juga tidak dapat dijalankan akibat daripada kekangan yang kami hadapi.

Walau bagaimanapun, masalah-masalah yang timbul ini tidak menjejaskan semangat kami untuk meneruskan program ini. Setelah sampai di sekolah, kami dihimpunkan di dewan serbaguna Sekolah Kebangsaan Kamunting, Perak. Setelah mendengar ucapan sepatah dua kata dari guru besar, pembahagian pelajar dilakukan. Seramai empat orang responden yang dipilih secara rawak dan diberikan kepada setiap kumpulan tutorial.

Tanpa melengahkan masa lagi, kami memulakan aktiviti yang kami rancang yang dimulakan dengan “Sesi Taaruf” atau perkenalkan diri. Setiap fasilitator akan memperkenalkan diri masing-masing kepada pelajar. Para pelajar juga akan memperkenalkan diri kepada fasilitator supaya fasilitator dapat mengetahui dan mengenali pelajar dengan lebih dekat untuk memudahkan fasilitator dapat menanyakan soalan berkaitan tentang diri mereka. Melalui sesi taaruf ini, kami telah berkenalan dengan pelajar-pelajar darjah enam iaitu adik Mohd Qayyun, adik Mohd Nur Aliff, adik Nadiah dan adik Husnina.

Aktiviti yang seterusnya ialah aktiviti lakaran “Graf Kehidupan”. Dalam aktiviti ini, kami meminta responden untuk melakar kehidupan mereka. Kami meminta mereka untuk melakar kehidupan mereka 10 tahun akan datang. Setelah melakarkan graf kehidupan, kami meminta responden untuk menceritakan lakaran tersebut. Kami juga meminta mereka untuk menyelitkan peristiwa-peristiwa yang menjadi kenangan mereka. Seterusnya, aktiviti kami ialah aktiviti “Belon Cinta”. kami akan membekalkan belon dan pen kepada pelajar. Kemudian kami mengarahkan mereka untuk menulis nama insan yang paling merka sayan pada belon tersebut. Kami juga meminta mereka untuk menyatakan cara untuk membuktikan sayang merka terhadap insan yang merka sayang tersebut.

Aktiviti seterusnya ialah “Teka Slogan Dadah”. Sebanyak lima belas slogan dadah akan digunakan untuk aktiviti ini, selepas pelajar menjawab dengan betul meraka dihendaki menerangkan dengan lebih terperinci apa yang meraka faham dengan slogan tersebut. Tujuan aktiviti ini adalah untuk menerangkan dengan lebih lanjut pasal dadah kepada pelajar. Selain itu, aktiviti yang kami rancang ialah melukis “Poster” yang bertemakan dengan dadah. Pelajar akan dibahagikan kepada dua kumpulan untuk menyiapkan poster berkaitan. Poster tersebut mestilah bertepatan dengan tema dan pelajar akan dikehendaki untuk menghuraikan atau mengupas tentang poster berkenaan.

Setelah selesai menjalankan aktiviti permainan diatas, kami menayangkan video kepada para pelajar. Kami menayangkan video yang telah kami siapkan yang bertajuk “Bahana Dadah”. Dalam video ini, para responden akan ditayangkan tentang faktor, kesan dan langkah mengatasi penggunaan dadah. Di samping itu, aktiviti seterusnya ialah “Sesi Kaunseling dan Perkongsian Masalah” bersama responden. Sesi ini bertujuan untuk memberi nasihat kepada pelajar bagi mengelakan mereka terjebak dengan dadah, usaha untuk menyedarkan pelajar dan memperingatkan tujuan hidup supaya dapat membina keyakinan dalam diri pelajar. Aktiviti “Kotak Mutiara Kasih” merupakan aktiviti terakhir yang kami rancang. Kami akan memberi sebuah kotak yang berisi kata-kata mutiara kepada pelajar. Kami telah menyiapkan beberapa kata-kata pedoman dan kata-kata mutiara kemudian memasukkannya kepada sebuah kotak kecil. Kemudian kotak tersebut kami berikan kepada para responden.

4.2 Penerangan E-Produk

Bagi aktiviti tayangan video iaitu E-Produk, kami telah menyediakan dua video ringkas yang berdurasi 4 minit 13 saat dan 1 minit 22 saat. Tajuk bagi kedua-dua video ini ialah “Bahana Dadah”. Dalam penghasilan video pertama kami, kami telah mengambil video ringkas dari youtube.

Kami menggunakan animasi Tony Giling dalam penghasilan video pertama ini. Kami telah mengambil empat jenis video Tony Giling yang menayangkan kesan yang berbeza kemudian kami mengabungkannya dengan menggunakan aplikasi Viva Video. Melalui babak pertama dalam video ini, video ini menceritakan tentang Tony Giling yang mempunyai wang saku sebanyak RM500. Tony berhasrat untuk membeli sebuah kasut sukan. Secara tiba-tiba, datang seorang pengedar dadah yang menawarkan suatu barang iaitu dadah berbentuk ganja kepada Tony Giling. Pengedar dadah tersebut menyatakan dengan mengambil dadah tersebut, Tony akan merasa khayal dan seronok. Tanpa menglengahkan masa lagi, Tony menghisap dadah tersebut kemudian khayal. Tanpa disedari pengedar dadah tersebut telah menjual dadah kepada Tony Giling sebanyak RM500. Tony Giling akhirnya menangis kerana menyesal membeli dadah tersebut kerana kos lepasnya ialah kasut sukan. Mesej yang hendak disampaikan melalui video ini ialah dadah membazirkan wang ringgit.

Babak kedua pula menceritakan tentang Tony Giling berkeinginan untuk mempunyai bentuk badan yang ideal. Tiba-tiba datang seorang pengedar dadah yang cuba memperdaya Tony. Pengedar dadah tersebut menyatakan bahawa dengan mengambil dadah iaitu Heroin bersama Ganja akan menghasilkan bentuk badan yang diinginkannya. Namun terdapat seorang rakan Tony yang mempunyai bentuk badan ideal tanpa menggunakan dadah. Dadah yang ditawarkan untuk Tony sebenarnya hanyalah helah sahaja. Sebaik sahaja rakan Tony mengetahui helah tersebut, rakan Tony terus memberi pelajaran kepada si penagih dadah. Mesej yang hendak disampaikan melalui video ini ialah sebagai seorang rakan, kita juga berperanan untuk menyelamatkan rakan kita dari terjebak dengan dadah.

Babak ketiga dalam cerita ini pula mengisahkan tentang Tony Giling yang hendak memberi bunga dan hadiah kepada kekasihnya. Tiba-tiba, datang seorang pengedar dadah memberinya pil Estacy dengan menyatakan bahawa jika Tony memakan pil tersebut ia akan kelihatan segar dan bergaya. Tanpa melengah masa, Tony pun menelan pil tersebut. Tanpa disedari, kaki Tony telah mereput sehingga keseluruhan tubuhnya. Kekasih Tony yang melihat kejadian tersebut terkejut lalu meninggalkannya. Mesej yang hendak disampaikan melalui video ini ialah dadah pemusnah kehidupan.

Babak keempat pula menceritakan tentang bapa Tony memberikan Tony duit dan mengarahkannya untuk menyimpan di bank. Tujuan bapa Tony menyuruhnya menyimpan wang tersebut adalah untuk simpan sebagai persediaan untuk melanjutkan pelajaran. Di sepanjang jalan menuju ke bank, tiba-tiba datang seorang pengedar dadah memberikannya ubat Estacy. Pengedar dadah menyatakan bahawa pil ini sangat bagus jika ditean. Tanpa membuang masa, Tony pun menelan pil tersebut. Lama kelamaan kepala Tony semakin membesar dan meletup. Bapa Tony yang melihat kejadian tersebut juga turut meninggal ditempat kejadian. Mesej yang hendak disampaikan ialah dadah mampu memberi kesan kepada kaum keluarga iaitu menyebabkan kematian.

Video kedua kami yang berdurasi 1 minit 22 saat pula menceritakan tentang faktor-faktor penggunaan dadah dalam kalangan remaja, kesan-kesan penggunaan dadah dan langkah-langkah mengatasinya. Kami menggunakan aplikasi Powtoon dalam menghasilkan video ini. Video ini juga berbentuk animasi. Kami hanya memberikan isi utama sahaja dalam slide ini. Huraian dan contoh pula akan kami hurai selepas tayangan video ini tamat. Mesej yang hendak kami sampaikan melalui video ini ialah kami ingin mendedahkan kepada para pelajar tentang faktor-faktor yang menyumbang pelajar cenderung untuk mengambil dadah. Kami juga menerangkan tentang bahayanya penggunaan dadah kerana ia mendatangkan kesan yang buruk kepada diri sendiri. Akhir sekali, kami juga ingin mendedahkan kepada mereka tentang usaha-usaha pelbagai pihak dalam mengatasi penggunaan dadah dalam kalangan pelajar ini.

5.0 PELAKSANAAN PROGRAM

5.1 Sebelum

Program Budiman USM merupakan projek First Year to School yang melibatkan semua pelajar tahun satu Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan. Memastikan program ini berjalan dengan lancar tanpa ada masalah yang timbul, kami telah melakukan beberapa kali perjumpaan untuk membincangkan aktiviti-aktiviti yang akan dilakukan di Perak. Aktiviti-aktiviti yang dirancang perlu menerapkan isu berkaitan dengan dadah dan aktiviti juga perlu bersesuaian dengan peringkat umur pelajar iaitu pelajar sekolah menengah. Selepas kata putus dibuat oleh ahli kumpulan untuk menetapkan aktiviti yang dibuat oleh ahli kumpulan, kami perlu membentangkan aktiviti tersebut di dalam kelas tutorial. Melalui perbentangan yang telah dijalankan Dr telah memberi pendapat mengenai aktiviti yang memerlukan penambahbaikan supaya aktiviti yang dijalankan mempunyai input kepada pelajar. Namun begitu, beberapa hari sebelum program kami telah dimaklumkan bahawa responden kami telah berubah daripada pelajar sekolah menengah kepada pelajar sekolah rendah pelajar darjah enam. Perubahan responden menyebabkan terdapat beberapa aktiviti ditukar supaya bersesuaian dengan peringkat umur dan pemahaman pelajar.

5.2 Semasa

5.2.1Aktiviti 1: Sesi Taaruf

A. Prosedur Pelaksanaan:

- i. Fasilitator terlebih dahulu memperkenalkan diri kepada responden.
- ii. Kemudian, para responden memperkenalkan diri kepada fasilitator.
- iii. Aspek pengenalan meliputi nama penuh, umur dan tempat tinggal.

5.2.2Aktiviti 2: Lakaran Graf Kehidupan

A. Kaedah aktiviti:

- i. Fasilitator akan membekalkan sekeping kertas dan sebatang pen kepada para responden.

- ii. Fasilitator mengarahkan responden untuk melakarkan graf kehidupan mereka 10 tahun akan datang. Fasilitator juga meminta responden untuk meyelitkan peristiwa-peristiwa yang menarik dalam hidup mereka.
- iii. Setelah selesai melakar graf kehidupan, fasilitator meminta responden untuk menghuraikan graf mereka.

B. Bahan:

- i. Kertas
- ii. Pen

5.2.3Aktiviti 3: Belon Cinta

A. Kaedah Aktiviti:

- i. Fasilitator membekalkan belon dan sebatang pen kepada para pelajar.
- ii. Fasilitator meminta pelajar untuk meniup belon tersebut. Kemudian, menulis nama insan yang mereka sayang.
- iii. Fasilitator juga meminta responden untuk menyatakan cara-cara mereka untuk membuktikan rasa kasih sayang terhadap orang yang mereka sayang.
- iv. Kemudian, responden diminta untuk menerangkan mengapa mereka menyayangi insan tersebut dan cara-cara membuktikan rasa sayang mereka.

B. Bahan:

- i. Belon
- ii. Sebatang pen

5.2.4Aktiviti 4: Tayangan video E-Produk

A. Kaedah Aktiviti:

- i. Fasilitator menayangkan dua video kepada para responden.
- ii. Sebelum tayangan video, kami telah melakukan temu bual kepada responden dengan bertanyakan beberapa soalan berkaitan dengan dadah.

B. Bahan:

- i. Komputer riba

5.2.5 Aktiviti 5: Sesi kaunseling dan perkongsian masalah

A. Kaedah Aktiviti:

- i. Memandangkan responden kami terdiri daripada empat orang, maka setiap dari fasilitator akan mengambil setiap responden untuk sesi ini.
- ii. Dalam sesi ini, fasilitator akan memberi pendedahan tentang harapan ahli keluarga kepada responden, tujuan responden untuk datang ke sekolah, kesan-kesan dadah dan nasihat untuk menjauhi dadah.
- iii. Melalui sesi ini, para responden juga diminta untuk berkongsi apa jua masalah yang mereka hadapi agar dapat diselesaikan bersama dengan fasilitator.

5.2.6 Aktiviti 6: Kotak Mutiara Kasih

A. Kaedah Aktiviti:

- i. Aktiviti ini telah dipersiapkan awal oleh fasilitator.
- ii. Fasilitator telah menulis beberapa kata-kata mutiara dan kata-kata pedoman kepada responden, kemudian meletakkan di dalam kotak kecil.
- iii. Memandangkan responden kami terdiri daripada empat orang, maka setiap dari ahli mendapat satu kotak mutiara kasih ini.
- iv. Setelah menerima kotak ini, fasilitator meminta responden untuk membalas kembali kata-kata tersebut dengan menggunakan kertas kecil yang telah disediakan.

B. Bahan:

- i. Kertas kecil berwarna warni
- ii. Sebatang pen

5.3 Selepas

Selepas program selesai, kami mengambil gambar bersama dengan para responden. Kami juga telah disajikan makanan tengah hari sebelum bertolak pulang ke Universiti Sains Malaysia. Sebelum kami berangkat pulang, kami sekali lagi memberi nasihat kepada para responden agar tidak mudah terlibat dengan gejala sosial. Kami juga memberi kata-kata dorongan dan semangat memandangkan hari esok merupakan keputusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah akan diumumkan. Mereka berasa sangat gembira dengan kehadiran kami ke sekolah mereka.

Setelah sampai di Universiti Sains Malaysia, kami dikehendaki menyediakan laporan penuh berkaitan aktiviti yang telah dijalankan. Pembahagian tugas diberikan untuk memudahkan dan mempercepatkan laporan disiapkan. Kami juga telah membuat beberapa refleksi berkaitan dengan keberkesanan, kelemahan dan cadangan untuk penambahbaikan. Kami juga telah menyemak semula gambar-gambar dan video yang telah kami ambil untuk dijadikan sebagai lampiran. Kami juga telah memulakan usaha untuk mencari sebanyak mungkin rujukan berkaitan dengan dadah ini. Kami juga dikehendaki untuk menceritakan semula pengalaman kami semasa berada di sekolah di hari tutorial yang akan datang.

6.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Bahagian ini akan menerangkan keputusan atau tindak balas responden terhadap aktiviti yang telah dijalankan berkaitan dengan penggunaan dadah dalam kalangan pelajar. Kami telah memperoleh dapatan kajian ini dengan menggunakan kaedah pemerhatian dan kaedah temu bual dari para pelajar.

6.1 Sesi Taaruf

Sebelum memulakan aktiviti, kami menjalankan sesi taaruf terlebih dahulubersama empat orang responden. Dalam sesi taaruf ini, fasilitator akan memperkenalkan diri masing-masing, kemudian diikuti oleh pihak responden. Objektif sesi taaruf ini adalah untuk memastikan para fasilitator mengenal responden dengan lebih dekat. Melalui sesi taaruf ini, fasilitator dapat mengetahui serba sedikit latar belakang responden yang terdiri daripada dua orang pelajar lelaki dan dua orang pelajar perempuan Sekolah Kebangsaan Kamunting, Perak. Melalui aktiviti ini juga, fasilitator dan para pelajar dapat mengeratkan hubungan walaupun program ini berlangsung sehari sahaja. Hubungan yang erat antara fasilitator dengan para pelajar ini secara tidak langsung telah memudahkan maklumat disampaikan dan diterima berkaitan dengan penggunaan dadah dalam kalangan remaja.

6.2 Lakaran Graf Kehidupan

Setelah selesai sesi taaruf, kami beranjak ke aktiviti pertama iaitu aktiviti lakaran graf kehidupan. Fasilitator akan menyediakan kertas A4 dan pen kepada responden seterusnya memberi arahan kepada mereka untuk membuat satu graf kehidupan yang menunjukkan perasaan dan peristiwa penting yang dialami oleh responden sepanjang kehidupan mereka. Hasil dapatan daripada aktiviti ini membolehkan responden berkongsi masalah yang mengganggu fikiran mereka. Setelah selesai melakar graf kehidupan, responden diminta untuk menerangkan graf kehidupan mereka masing-masing. Aktiviti lakaran graf kehidupan ini sememangnya aktiviti yang menarik kerana para pelajar dapat menerangkan kehidupan mereka bersertakan peristiwa-peristiwa yang mencuit hati kami. Walau bagaimanapun, terdapat seorang pelajar yang menghadapi masalah

kesihatan dan kehilangan ibu bapa. Namun begitu, melalui aktiviti inilah, fasilitator dapat mengkaji dan menilai kehidupan responden untuk sama-sama membina keyakinan diri responden serta memberi nasihat berguna kepada responden.

6.3 Belon Cinta

Selain itu, fasilitator meneruskan aktiviti yang dinamakan ‘belon cinta’. Aktiviti ini memerlukan responden meniup belon dan menulis nama orang yang mereka sayangkan pada belon tersebut. Melalui aktiviti ini, mereka sekali lagi akan menceritakan tentang nama yang mereka tulis pada belon tersebut dan memberi sebab mereka menyayangi orang tersebut. Kami juga meminta mereka untuk menyatakan cara mereka untuk menggembirakan orang yang mereka sayang. Melalui pemerhatian kami, kesemua para pelajar menyatakan bahawa ahli keluarga iaitu ibu bapa merupakan insan yang mereka sayang. Rasional kami menjalankan aktiviti ini adalah untuk memberi kesedaran kepada mereka bahawa sebagai seorang anak, kasih sayang yang wujud antara mereka dengan ahli keluarga merupakan tiang utama untuk kebahagiaan dalam institusi kekeluargaan. Sebagai seorang anak juga, tanggungjawab untuk menggembirakan ibu bapa dan ahli keluarga merupakan salah satu kewajipan dengan cara belajar bersungguh-sungguh. Contohnya, melalui kejayaan dalam pelajaran boleh membuktikan kasih sayang mereka terhadap ibu bapa.

6.4 Tayangan video E-Produk

Seterusnya, kami meneruskan aktiviti dengan menayangkan beberapa video ringkas berkaitan dadah. Video yang kami tayangkan ini menceritakan tentang latar belakang dadah, jenis-jenis dadah, faktor dan kesan penggunaan dadah, serta langkah mengatasi masalah penggunaan dadah. Tetapi sebelum menayangkan video ini, kami sempat menjalankan temu bual dengan para remaja dengan menanyakan beberapa soalan seperti “ Apa definisi dadah mengikut pandangan anda?” “Apakah kesan penggunaan dadah?” dan “Apa langkah yang boleh diambil untuk mengelakkan penggunaan dadah?”. Dapatan kajian menunjukkan, kesemua responden memberi respon dengan menyatakan dadah merupakan bahan yang boleh

merosakkan tubuh badan. Responden juga menyatakan kesan mengambil dadah boleh membawa maut kepada seseorang. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa responden memberi respon yang baik berkaitan dengan dadah apabila diajukan soalan. Melalui tayangan E-produk kami ini, fasilitator memberi nasihat berguna kepada responden untuk menjauhi dadah. Nasihat dan dorongan yang diberikan kepada responden telah mewujudkan suasana mesra antara fasilitator dan responden.

6.5 Sesi Kaunseling dan Perkongsian Masalah

Seterusnya, kami menjalankan aktiviti sesi kaunseling dan perkongsian masalah. Melalui sesi ini, fasilitator akan memberi kesedaran kepada pelajar dengan menyampaikan harapan ibu bapa dan ahli keluarga kepada responden. Fasilitator juga menyampaikan tentang kesan buruk penggunaan dadah kepada responden dan menyeruh dengan tegasnya agar responden mencegah gejala sosial ini. Melalui sesi ini juga fasilitator dan responden berkongsi masalah yang dihadapi dan menyelesaikannya bersama-sama. Dapatan dari sesi ini ialah fasilitator dapat menyedarkan responden tentang tujuan sebenar mereka ke sekolah dan mengetahui masalah yang mengganggu fikiran mereka. Melalui kaedah pemerhatian, aktiviti ini telah menunjukkan bahawa nasihat-nasihat yang diberikan ini sekurang-kurangnya dapat memberi teladan kepada para responden.

6.6 Kotak Mutiara Kasih

Aktiviti kami yang terakhir ialah aktiviti kotak mutiara kasih. Dalam sebuah kotak, kami telah menulis pelbagai kata-kata pedoman di atas kertas bersaiz kecil yang boleh menaikkan semangat apabila mereka membacanya. Setiap responden akan diberikan sekotak mutiara kasih. Hasil dapatan dari aktiviti ini, para responden dapat menjadikan kata-kata pedoman tersebut sebagai panduan hidup dan mencegah daripada melakukan sesuatu yang buruk. Para responden juga secara tidak langsung mengetahui tujuan sebenar mereka untuk mencapai kejayaan. Kami juga memberikan beberapa helai kertas kepada responden dan meminta mereka untuk menulis dan membalas kembali kata-kata pedoman kepada fasilitator secara ringkas.

Melalui aktiviti ini, wujud interaksi antara fasilitator dan responden sebelum aktiviti tamat.

7.0 REFLEKSI AHLI KUMPULAN

NAMA AHLI : **IBNU SANY BIN SAMSULBAHRI**

Setelah sebulat suara membuat perbincangan dan persiapan yang rapi, kami sekumpulan dengan jayanya telah menghasilkan tugas PGA102 yang bertajuk Penggunaan Dadah Dalam Kalangan Remaja. Dalam menghasilkan tugas ini, banyak kelebihan dan kelemahan yang saya perolehi. Sebagai seorang ketua dalam tugas ini, sememangnya saya memegang tugas yang amat berat. Dari segi kepimpinan, tugas ini mengajar saya serba sedikit untuk menjadi ketua yang profesional. Sebagai seorang ketua, saya belajar untuk menerima semua pandangan yang diberikan oleh ahli kumpulan dengan terbuka. Saya juga dipertanggungjawabkan untuk memimpin ahli kumpulan dan memastikan aktiviti yang dijalankan mengikut sasaran yang ditetapkan. Walaupun ada sedikit masalah yang kami hadapi ketika melakukan tugas ini, namun ia sedikit pun tidak mematahkan semangat kami untuk terus menyampaikan ilmu kepada para pelajar.

Kelebihan yang saya peroleh dari tugas ini ialah sebagai seorang bakal pendidik, kita seharusnya mempunyai sifat-sifat keguruan untuk berhadapan dengan para pelajar. Sebagai contoh berani dan bersabar untuk berhadapan dengan semua jenis ragam pelajar. Kami memperoleh nilai keberanian melalui proses memperkenalkan diri dengan para pelajar. Sebagai seorang bakal guru, kita seharusnya menunjukkan keberanian untuk memberi ucapan di hadapan pelajar di samping menunjukkan watak sebagai seorang guru.

Selain itu, kami juga belajar untuk menarik perhatian para pelajar untuk kekal mendengar apa-apa yang hendak kami sampaikan. Walaupun suasana di sekolah pada waktu itu bising, namun ia bukanlah penghalang bagi kami untuk terus menyampaikan ilmu. Pelbagai cara boleh digunakan untuk menarik perhatian pelajar dengan menggunakan pelbagai jenis alat bantuan mengajar seperti komputer riba. Melalui program ini juga, kami juga belajar untuk menghidupkan suasana yang bosan ketika berada dalam kelas. Hal ini demikian, kami berhadapan dengan empat orang pelajar sahaja. Hal ini memberi cabaran kepada kami untuk menghidupkan suasana yang menyeronokkan dengan menayangkan rakaman video kepada mereka agar mereka tidak bosan ketika berada di dalam kelas. Pengetahuan dan pengalaman

yang kami peroleh ini akan kami jadikan sebagai persediaan untuk menjadi seorang pendidik kelak.

Selain itu, kelebihan yang kami peroleh ialah hubungan ukhuwah antara ahli kumpulan dengan ahli kumpulan, dan ahli kumpulan dengan para pelajar. Menerusi program sebegini hubungan antara ahli kumpulan secara tidak langsung menjadi semakin rapat di samping menjaga batasan masing-masing. Hal ini demikian kerana, ahli kumpulan bekerjasama di bawah satu organisasi untuk menjayakan projek ini. Hubungan antara ahli kumpulan dengan para pelajar juga semakin rapat. Keadaan ini jelas terlihat apabila ahli kumpulan dan para pelajar saling mengenali antara satu dengan yang lain. Ahli kumpulan dan para pelajar juga saling berkongsi masalah masing-masing, maka terjalinlah hubungan ukhuwah melalui projek ini. Para pelajar juga memberi respon yang baik ketika soalan diajukan walaupun mereka malu ketika menjawab soalan.

Kelemahan yang dikenal pasti ialah kekangan masa. Masa yang singkat menyebabkan aktiviti yang kami rancang tidak dapat dijalankan sepenuhnya. Masa yang diperuntukkan adalah singkat disebabkan oleh beberapa perkara. Antaranya ialah pengurusan yang lemah menyebabkan pergerakan dari Universiti Sains Malaysia ke sekolah-sekolah menjadi perlahan. Mahasiswa dan mahasiswi terpaksa menunggu bas dalam jangka masa yang lama menyebabkan pergerakan menjadi perlahan. Apabila sampai ke sekolah, kami juga berhadapan dengan jadual masa para pelajar. Masa pulang para pelajar menyebabkan kami terpaksa mempercepatkan aktiviti dan melangkau beberapa aktiviti.

Sebagai kesimpulannya, tugas ini sememangnya banyak mendatangkan kebaikan dan kelemahan kepada diri saya sendiri dan juga rakan-rakan. Dapat disimpulkan, saya berasa gembira kerana aktiviti ini dapat dijalankan dengan sempurna dan kami juga dapat menyiapkan laporan tepat pada masa yang telah ditetapkan. Saya berharap tugas-tugas sebegini mampu mendidik saya untuk menjadi guru yang berkebolehan kelak.

NAMA AHLI : **NUR SURAYA MARIANA BINTI YAHYA**

Assalamualaikum dan salam sejahtera diucapkan sebagai pembuka kata refleksi tugas projek Intrapersonal dan Interpersonal (PGA102). Banyak perkara yang saya pelajari sepanjang saya menyiapkan tugas ini. Antaranya ialah saya dan rakan-rakan berusaha mengeluarkan idea bagi merancang aktiviti-aktiviti yang akan kami laksanakan berdasarkan tajuk yang dipilih. Dalam proses ini, saya belajar cara-cara berfikir dan saling berkongsi idea bagi menghasilkan aktiviti yang menarik minat pelajar pada masa akan datang. Kumpulan kami memilih tajuk atau isu Penggunaan Dadah dalam kalangan pelajar dan mencapai kata sepakat untuk memilih aktiviti ‘Taaruf’, ‘Lakaran Graf Kehidupan’, ‘Belon Cinta’, ‘Tayangan Video E-Produk’, ‘Sesi Kaunseling’ serta ‘Kotak Mutiara Kasih’

Sebelum bermulanya aktiviti pertama, kami membuka program dengan sesi taaruf antara pelajar dengan fasilitator. Melalui aktiviti ini, kami saling mengenali antara satu sama lain dan mengurangkan sifat malu dalam diri pelajar. Aktiviti ini juga membolehkan saya membina hubungan yang baik dengan pelajar bagi memudahkan sesuatu maklumat yang disampaikan dapat diterima dengan baik. Melalui kaedah ini, saya dapat mengelakkan diri daripada menilai pelajar daripada luaran sahaja malahan dalaman juga. Saya boleh menggunakan kaedah taaruf ini nanti apabila bergelar guru sebelum aktiviti pembelajaran dan pengajaran bermula bagi meningkatkan kualiti profesion saya.

Kami seterusnya memulakan aktiviti lakaran graf kehidupan. Melalui aktiviti ini, saya dapat menyelami perasaan mereka dan mengetahui serba sedikit sejarah kehidupan mereka. Hasil daripada aktiviti ini membantu saya untuk memainkan peranan sebagai seorang guru yang peka dengan perkembangan pelajar dan membimbing pelajar untuk terus berusaha. Seterusnya, kami memulakan aktiviti belon cinta yang mana mereka perlu meniup belon dan menulis nama orang yang tersayang pada belon tersebut. Melalui aktiviti ini, saya dapat mengenal pasti siapa yang mereka lebih pentingkan dan menjadi idola pelajar. Ini juga dapat memotivasikan diri pelajar dalam usaha membanggakan orang yang disayangi dengan belajar bersungguh-sungguh.

Setelah itu, kami menayangkan beberapa video e-produk kami berkaitan dadah yang mengandungi kesan, jenis dan langkah mengatasi penggunaan dadah dalam kalangan pelajar. Objektif program ini adalah untuk mendedahkan pelajar tentang bahaya dadah bagi mengelakkan mereka terjebak dengan najis dadah ini. Melalui aktiviti ini, saya dapat mengetahui sejauhmana pengetahuan pelajar terhadap sesuatu isu. Ini membolehkan saya memperbaiki diri dan mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang lebih mendalam untuk berhadapan dengan para pelajar abad ke-21 nanti.

Sebelum menamatkan projek, kami membuka sesi kaunseling dan meluahkan perasaan. Objektif diadakan aktiviti ini adalah memberikan nasihat dan memberi peluang kepada mereka bagi meluahkan masalah yang mereka hadapi serta memberi dorongan kepada mereka untuk berusaha dengan gigih dalam mencapai kejayaan. Melalui aktiviti ini, saya belajar untuk menjadi guru yang memberikan manfaat kepada para pelajar. Saya dapat melatih diri untuk berdepan dengan masalah pelajar bagi memantapkan diri dalam menjadi guru yang memenuhi aspek yang diinginkan. Saya juga dapat mempraktikkan diri menjadi seorang guru yang mampu menjadi telinga kepada pelajar dalam mendengar isi hati mereka dan membantu melalui cara menasihati.

Akhir sekali, kami menjalankan aktiviti kotak mutiara kasih yang mana kami akan memberikan setiap responden sebuah kotak yang mengandungi kata-kata pedoman yang tertulis pada kertas. Ini membolehkan mereka bersemangat dalam menjalani kehidupan dan menghindarkan diri daripada dadah. Melalui aktiviti ini, saya dapat membantu mereka mengawal dan menggunakan intrapersonal dan interpersonal mereka dengan bijak. Ini membantu saya untuk menjadi seorang guru yang mampu menasihati dan membentuk pelajar yang cemerlang dalam semua aspek. Saya juga dapat mempraktikkan program ini di sekolah nanti bagi membolehkan setiap pelajar mempunyai semangat yang tinggi untuk belajar.

Oleh itu, dapat saya simpulkan bahawa program ini memberikan manfaat yang banyak untuk para pelajar. Malahan, saya juga memperolehi banyak pengalaman sepanjang projek ini bagi membolehkan saya menyediakan diri ke arah menjadi guru yang cemerlang dalam melahirkan tenaga manusia yang mampu memimpin negara.

NAMA AHLI :

NURAMALIA BINTI ROSLAN

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera sebagai pembuka kata refleksi. Kursus PGA 102 yang merupakan kursus wajib yang perlu diambil oleh kami sebagai persediaan menjadi seorang pendidik. Kami telah melaksanakan Projek First Year to School di Sekolah Kebangsaan Kamunting, Taiping, Perak.

Program ini adalah pengalaman pertama saya dalam melakukan aktiviti yang melibatkan pelajar sekolah. Hal yang paling menyeronokkan ialah apabila saya pergi ke sekolah tersebut sebagai satu peluang untuk menimba pengalaman menjadi seorang guru. Responden kami terdiri daripada pelajar Tahun 6 yang baru sahaja selesai menduduki Upsr. Mentee terdiri daripada 2 orang lelaki dan 2 orang perempuan yang mana semuanya ialah Kaum Melayu.

Pengalaman ini memberi sedikit sebanyak pendedahan kepada saya untuk menjadi seorang pendidik seperti menepati masa dan berkerjasama dalam kumpulan. Bukan itu sahaja, saya juga turut memperolehi ilmu baharu iaitu kemahiran menggunakan aplikasi Powtoon dalam mengedit video yang hendak dijadikan e-produk.

Kami telah merencanakan beberapa aktiviti untuk dijalankan di Sk Kamunting. Aktiviti pertama ialah sesi Taaruf. Aktiviti ini melibatkan saya sebagai mentor perlu memperkenalkan diri di hadapan mentee dan begitu juga sebaliknya. Aktiviti pertama ini sangat penting kerana ia dapat merapatkan lagi hubungan dan menghakis rasa malu antara mentor dan juga mentee. Selain itu, aktiviti ini juga dapat membuatkan saya mengetahui serba sedikit latar belakang mentee dan begitu juga mentee dapat mengetahui mengenai diri mentor.

Seterusnya, aktiviti kedua pula ialah Graf Kehidupan yang memerlukan setiap mentee menceritakan garis kehidupan mereka sejak kecil. Bagi saya, aktiviti ini memainkan impak yang sangat penting kerana saya boleh mengetahui dengan lebih mendalam personaliti setiap mentee. Mentee juga dapat berkongsi mengenai kisah pahit dan manis sepanjang kehidupan mereka bersama-sama dengan mentor dan juga rakan mentee yang lain.

Aktiviti ketiga pula ialah Belon Cinta. Aktiviti ini amat menyeronokkan kerana setiap mentee diminta untuk menulis nama orang yang mereka sayang dan mengapa mereka menyayangi orang tersebut. Aktiviti ini menyebabkan timbulnya kesedaran dalam kalangan mentee sendiri kerana mentee diminta untuk menceritakan apa yang mereka boleh lakukan untuk membahagiakan orang tersayang. Bagi saya, kasih sayang dan dorongan keluarga itu amat penting dalam segala aspek kehidupan kerana keluarga merupakan insan yang setiasa ada dengan kita.

Seterusnya, tayangan e-produk kepada mentee mengenai isu yang dipilih oleh saya dan rakan kumpulan. Mentee dilihat begitu fokus melihat isi-isi yang ingin disampaikan melalui e-produk dan mentee juga mendapat pengetahuan baharu mengenai dadah. Saya berasa sangat berpuas hati kerana objektif e-produk itu tercapai dan menyebabkan mentee mengetahui bahayanya dadah.

Sesi kaunseling juga merupakan antara aktiviti yang dilaksanakan. Di sini, saya dapat meningkatkan lagi kemahiran komunikasi dan kemahiran mendengar sebagai persediaan menjadi guru. Mentee saya menghadapi masalah keluarga dan menyebabkan dia menjadi seorang yang sangat pendiam dan hanya bercakap apabila perlu. Melalui aktiviti ini, mentee tersebut sudi berkongsi masalah yang dihadapi olehnya dan merasa kurang terbeban dengan masalah yang dialami. Saya juga dapat meningkatkan kemahiran maklum balas dengan memberi nasihat yang berunsur positif.

Aktiviti terakhir ialah Kotak Mutiara Kasih. Saya memberi sebuah kotak yang mengandungi kata-kata nasihat yang ditulis sendiri oleh saya terhadap mentee yang saya pilih. Saya merasa sangat berpuas hati kerana dapat memotivasikan orang lain melalui tulisan saya. Mentee juga menunjukkan tindak balas yang positif apabila turut membalas dengan menulis sedikit kata-kata pada kertas yang saya sediakan dan menyebabkan hubungan kami semakin erat.

Oleh itu, saya mendapat pelbagai pengalaman yang bermakna melalui program ini sebagai persediaan untuk menjadi seorang guru yang berkualiti pada masa hadapan.

NAMA AHLI :

SITI NURWANI BINTI M ROZALI

Program First Year to School merupakan program pertama saya sebagai pelajar USM yang diadakan di Perak. Program ini telah diadakan pada 22 November 2017. Pada pandangan saya, hasil dari daripada program ini pada diri saya ialah dapat melatih saya dalam mengendalikan sesuatu program dengan jayanya untuk mengendalikan kita perlu menyusun dan menyenaraikan semua skop program biar kita tahu keseluruhan perjalanan program. Hal ini demikian kerana program ini saya dan bersama rakan-rakan merancang apa aktiviti yang perlu dilakukan dan perlu menyediakan peralatan atau bahan dalam aktiviti tersebut. dalam pada itu itu, saya dapat melatih diri saya untuk berinteraksi atau berkomunikasi dengan dengan pelajar sekolah rendah. Hal ini kerana semasa program terdapat pelajar yang tidak mahu berkomunikasi dan hanya senyum saja tetapi saya cuba untuk berbual dengan pelajar supaya tidak ada jurang antara kami. Memahami apa yang kanak-kanak dapat terima, kerana terdapat pelajar yang berlainan kecerdikan dan kecerdasan.

Selain itu, daripada segi keseluruhan program saya dapati bahawa terdapat pelajar yang sudah didedahkan dengan tajuk kumpulan iaitu dadah. Hal ini demikian kerana di sekolah berkenaan sudah melakukan kempen anti dadah, ini menunjukkan mereka sudah didedahkan di peringkat sekolah rendah. Pendedahan daripada ahli kumpulan saya tentang dadah adalah untuk pelajar supaya pelajar tahu apa itu dadah dan bagaimana bentuk dadah, ada pelajar yang tahu dadah itu bahaya tetapi tidak kenal rupa bentuk dadah. Penerangan yang dilakukan oleh ahli kumpulan saya menjelaskan dengan lebih detail kepada pelajar. Keseluruhan program pelajar dapat menghuraikan dan menerangkan tentang dadah selepas sesi tayangan video ini menunjukkan pelajar memahami latar belakang berkaitan dengan dadah dan risiko apabila mengambil dadah.

Penambahbaikan yang perlu dilakukan dalam program ini adalah perancangan masa yang tetap supaya tidak menjejaskan aktiviti yang seterusnya. Dalam pada itu juga aktiviti yang dilakukan sepatutnya mempunyai intipati yang dapat memberi makna kepada pelajar pada masa hadapan. Untuk itu, saya perlu merancang aktiviti yang sesuai dengan umur pelajar kerana aktiviti padanya sesuai untuk pelajar sekolah

menengah, saya rasa setiap aktiviti ini hendaklah mempunyai objektif untuk dicapai. Selain itu,

Kelemahan yang terdapat dalam program tersebut ialah masa, pada mulanya aktiviti ini dirancang untuk dilakukan pada hari isnin tetapi terpaksa ditunda kepada hari rabu. Malahan, terdapat beberapa masalah yang timbul sebelum pergerakan ke Perak menjejaskan pergerakan menyebabkan berlaku kelewatan. Kesannya berlaku kesuntukan masa untuk menjalankan aktiviti, menyebabkan ada aktiviti tidak dibuat disebabkan masa yang terhad. Bahkan responder saya juga berubah kerana pada mulanya saya difahamkan saya perlu mengendalikan aktiviti dengan pelajar sekolah menengah tetapi atas sebab tertentu menyebabkan saya pelajar berubah kepada pelajar sekolah rendah yang berumur 12 tahun.

Cabaran mengendalikan program sebegini mungkin mudah kerana dibantu dengan rakan-rakan dan Dr, namun bukan senang bagi seorang untuk mengawal semuanya serentak dengan bilangan pelajar yang ramai dan masing-masing yang mempunyai perangai atau tingkah laku yang berbeza. Aktiviti ini merupakan aktiviti pertama saya, pada mulanya ia merupakan cabaran kepada kerana perlu berinteraksi dengan pelajar sekolah rendah, kalau sekolah menengah mungkinlah mudah kerana jurang umur yang tidak jauh. Malahan cabaran untuk membina keyakinan dalam diri pelajar kerana pada mula aktiviti dijalankan pelajar malu-malu dan apabila ditanya soalan mereka akan menjawab sepatah, menyebabkan saya dan ahli kumpulan mengambil alternatif atau cara lain supaya berlaku interaksi dua hala antara pelajar dengan saya iaitu dengan tanya secara bergilir-gilir. Ini menunjukkan bahawa tanggungjawab seorang guru bukanlah mudah dalam memdidik pelajar tidak kira sekolah menengah atau rendah.

8.0 RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Berdasarkan Projek Budiman USM yang kami jalankan di Sekolah Kebangsaan Kamunting, Perak dapatlah disimpulkan bahawa aktiviti yang dijalankan mencapai target. Para responden memberikan komitmen yang tinggi dalam menjayakan aktiviti yang kami jalankan. Kajian ini dapat mengenal pasti intrapersonal dan interpersonal yang ada dalam setiap responden. Intrapersonal yang kami temui dalam diri setiap responden ialah kawalan sendiri yang tinggi manakala interpersonal ialah penyelesaian masalah dan pembuatan keputusan terhadap isu dadah. Para responden telah terlebih dahulu terdedah dengan isu dadah melalui iklan di televisyen dan ceramah yang dirancangan pihak sekolah. Isu dadah ini tidak asing lagi dalam kalangan pelajar dan menjadi tanggungjawab diri sendiri dan semua pihak untuk membanteras isu penyalahgunaan dadah ini. Ini kerana dadah memberikan kesan buruk bukan sahaja kepada diri malahan kepada masyarakat dan negara. Oleh itu, pentingnya projek seperti ini dijalankan untuk mendekati pelajar-pelajar dan mengatasi masalah yang berlaku sejak akhir-akhir ini. Bak kata pepatah mencegah lebih baik daripada mengubati.

9.0 BIBLIOGRAFI

- Elmoolover's Blog. *Definisi Dadah*. Diakses pada 25 November 2017 daripada <https://elmoolover.wordpress.com/isi-kandungan/definisi-dan-jenis-dadah/>
- Komunikasi Intrapersonal & Interpersonal*, Penerbit Kanisius .2003. Bambang Shakuntala
- Kamus Dewan*. (Edisi Keempat). (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Ali Bin Jemali. (2009). *Penulisan Refleksi Tugas*. Diakses pada 27 November 2017 daripada <http://refleksitugasan.blogspot.my/>
- Shahizan, Tsai Chen Chien, dan Saw Hooi Chin. *Komunikasi Intrapersonal & Interpersonal*.2003.Cetakan Pertama
- Sheron Mudin. (2016). *Teori Belajar Albert Bandura*. Diakses pada 27 November 2017 daripada <https://prezi.com/fygrvo9lj6gi/teori-belajar-albert-bandura/>
- Wong Kar Wai. (2010). *Penyalahgunaan Dadah*. Diakses pada 25 November 2017 daripada <http://presentgroup.blogspot.my/2010/08/definisi-dadah.html>

LAMPIRAN



Pelajar darjah 6 Sekolah Kebangsaan Kamunting, Perak



Responden sedang bermain aktiviti Lakaran Graf Kehidupan



Responden sedang menjalankan aktiviti Belon Cinta



Responden sedang melihat tayangan E-Produk



Aktiviti Kotak Mutiara Kasih dan Sesi Kaunseling dan Perkongsian Masalah



Fasilitator bersama dengan responden



Ahli kumpulan